



19 Januari 2016
19 January 2016
P.U. (A) 5

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2016

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(REPUBLIK RAKYAT CHINA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik Rakyat China) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 26(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Triti” ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 23 November 2015 yang di bawahnya Republik Rakyat China telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Republik Rakyat China diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Republik Rakyat China

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Rakyat China.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT CHINA
MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG
DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama antara kedua-dua negara berkenaan dengan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah berasaskan perasaan saling menghormati demi kedaulatan, kesamarataan dan faedah bersama,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

Perkara 1
Ruang Lingkup Bantuan

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang

yang seluas mungkin dalam penyiasatan, pendakwaan dan prosiding lain dalam perkara jenayah.

2. Bantuan yang berhubungan dengan perkara jenayah hendaklah termasuk:
 - (a) mengambil keterangan termasuk:
 - (i) mengambil testimoni atau pernyataan daripada orang;
 - (ii) membekalkan dokumen, rekod termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan yang berkaitan, dan barang keterangan dan bahan keterangan lain; dan
 - (iii) memperoleh dan memberi penilaian pakar;
 - (b) mencari dan mengenal pasti orang;
 - (c) membuat perkiraan perlu bagi orang untuk memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
 - (d) melaksanakan permintaan untuk pengeledahan dan penyitaan;
 - (e) mengendalikan penelitian atau pemeriksaan objek, tempat, orang atau mayat manusia;
 - (f) mengenal pasti, mencari, menyekat, membekukan, menyita dan melucuthakkan hasil dan peralatan jenayah;
 - (g) melaksanakan penyampaian dokumen; dan
 - (h) apa-apa bentuk bantuan yang lain yang tidak bercanggah dengan undang-undang Pihak yang Diminta.
3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan, atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.

Perkara 2 Ketidakpakaian

1. Triti ini tidak terpakai kepada—
 - (a) ekstradisi seseorang, termasuk penangkapan atau penahanan dengan tujuan untuk ekstradisi;
 - (b) penguatkuasaan penghakiman jenayah di Pihak yang Diminta yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh Triti ini dan undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (c) pemindahan orang yang dihukum untuk menjalani hukumannya; atau
 - (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
2. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

Perkara 3 Pihak Berkuasa Pusat

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini melalui saluran diplomatik. Bagi maksud Triti ini, Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berhubung secara langsung dengan satu sama lain untuk pelaksanaan permintaan.
2. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
3. Bagi Republik Rakyat China, Pihak Berkuasa Pusat ialah Kementerian Kehakiman.